

## **Kedatangan dan Perkembangan Awal Bangsawan Di Kalangan Masyarakat Melayu Sarawak**

Oleh

**Nur Afifah Vanitha Abdullah**

*Program Drama dan Teater  
Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif  
Universiti Malaysia Sarawak  
[anafifah@dominomail.unimas.my](mailto:anafifah@dominomail.unimas.my)*

Bangsawan merupakan satu bentuk seni persembahan yang kesannya amat mendalam terhadap para penggiat dan peminatnya di Sarawak. Sehingga kini kehebatan dan keseronokkan, menyertai dan menonton bangsawan adalah satu pengalaman yang nostalgik bagi peminat dan penggiatnya yang rata-rata dalam lingkungan usia 50an dan ke atas. Bagi golongan ini, bentuk-bentuk teater yang hadir selepas bangsawan tidak dapat menandingi kehebatannya dari segala aspek teaterikal seperti lakonan, nyanyian, extra-turn, set, pentas, kostum serta suasana pementasannya. Namun begitu penulisan tentang bangsawan di Sarawak amat kurang sekali untuk dijadikan rujukan bagi individu yang berminat mengenali kesenian ini secara lebih mendalam. Fenomena ini mendorong penulis untuk menjalankan kajian tentang kedatangan, perkembangan awal, bentuk dan struktur bangsawan di kalangan masyarakat Melayu Sarawak.

### **Latar belakang Bangsawan**

Dalam sejarah teater Melayu, bangsawan mempunyai kedudukan yang istimewa disebabkan ia merupakan teater peralihan diantara teater tradisional (seperti Mak Yong, Menora dan Wayang kulit) dan teater moden (seperti Sandiwara, Realisme dan Eksperimental) (Nur 1992: 4). Pada mulanya wayang Parsi dibawa masuk ke Pulau Pinang dan dipentaskan oleh saudagar-saudagar dari India sekitar 1870an (Edrus 1960: 49). Bentuk teater ini kemudiannya ditiru oleh golongan peranakan di Pulau Pinang dengan panggilan tiruan wayang Parsi. Stail wayang Parsi ini kekal dari tahun 1870an sehingga 1884 (Nur 1992: 18-19). Bangsawan Melayu bermula sekitar tahun 1885 di Pulau Pinang apabila Mamak Pushi membeli peralatan permainan wayang Parsi dari sebuah kumpulan yang muflis. Kumpulan ini dikenali sebagai Pushi Indera Bangsawan Pulau Pinang dan merupakan kumpulan bangsawan Melayu professional yang pertama (Rahmah 1975: 22). Pementasannya merangkumi cerita-cerita India, Arab, Barat, Melayu dan Cina. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengucapan pentas dan watak-watak dari cerita luar diMelayukan (Nur 1992: 19). Bangsawan menerima sambutan yang hangat dan kumpulan ini

merupakan yang pertama juga untuk mengadakan pementasan secara bergerak di Tanah Melayu, Singapura dan Sumatera (Rahmah 1975: 23).

Teater bangsawan merangkumi persembahan lakonan, pergerakan, nyanyian dan pengucapan dialog. Ia dipersembahkan di ruang pentas proscenium yang bertirai di hadapan pentas, beberapa helai latar hias dan sebang. Di samping menggunakan teknik pencahayaan yang moden bentuk persembahan ini juga menggunakan kostum yang berwarna-warni, set yang berlebihan dan merangkumi acara sampingan '*extra turn*' (Rahmah 1989: 5-6). Biasanya dalam teater bangsawan, bentuk cerita yang dimainkan adalah tentang golongan masyarakat kelas atasan iaitu sesuai dengan namanya iaitu bangsawan (orang yang berbangsa) dan merupakan cerita rekaan semata-mata. Teater ini adalah bentuk teater yang pertama dikomersialkan di Tanah Melayu dengan sistem pembelian tiket yang dikenakan ke atas penonton-penontonnya (Nur 1992: 7).

Ahli kumpulan-kumpulan teater bangsawan merupakan penggiat seni sepenuh masa. Mereka hidup dalam kumpulan bangsawan masing-masing dan pendapatan mereka bergantung kepada kutipan yang diperolehi melalui jualan tiket semasa persembahan. Penganjur dan ahli-ahli kumpulan bangsawan terdiri dari pelbagai kaum seperti Cina, Melayu dan *Eurasian*. Mereka hidup dalam suasana kekeluargaan dengan amalan bantu membantu. Suasana ini digambarkan dalam tulisan berikut,

*...Having to travel long and sometimes hazardous journeys by sea also brought them close to one another. Not surprisingly, therefore, bangsawan performers came to regard the troupe of which they were members as a substitute family. Living in a rumah kongsi (shared house), they cooked and ate together and shared food, water, and other facilities . . .*  
(Tan 1993: 69-70)

Kumpulan-kumpulan bangsawan bergerak dari satu tempat ke satu tempat untuk mengadakan persembahan. Selain dari mengadakan persembahan secara bergerak di keseluruh Tanah Melayu, kumpulan-kumpulan bangsawan didapati mengembara sejauh Sumetra, Kalimantan dan Jakarta sekitar lewat kurun ke 19 (Edrus 1960:56). Pendek kata kumpulan-kumpulan bangsawan amat professional dan '*self sufficient*' dari aspek pengurusan dan persembahannya.

Bangsawan berada di zaman kegemilangannya dari tahun 1915 sehingga lewat tahun 1930an dengan penubuhan banyak kumpulan-kumpulan bangsawan bersaiz kecil dan besar di Tanah Melayu dan Singapura. Namun, pada masa yang sama tidak banyak kumpulan yang bertahan